KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 26/1/2022 (RABU) | MUKA SURAT | : | 10 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |



lokal

# Nafi babi hutan dari Sumatera

*Tiada kelibat haiwan berkenaan berenang di laut Selat Melaka menuju ke Kampung Kelongkong*

Oleh Nazri Abu Bakar
am@hmetro.com.my

**Melaka**

Dakwaan beberapa pihak kononnya babi hutan yang menggganas di Kampung Kelongkong, Tanjung Kling di sini, sejak sebulan lalu berasal dari Sumatera, Indonesia, dinafikan beberapa pihak.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan kampung (JPKK), Khairulazni Baharuddin berkata, tiada kelibat babi hutan berenang di laut Selat Melaka menuju ke kampung berkenaan.

Katanya, jika benar babi hutan berenang dari Sumatera, Indonesia, haiwan itu pastinya mudah dilihat nelayan dan akan melalui kawasan Pantai Tanjung Kling, Pantai Puteri atau Klebang sebelum melintas masuk ke kampung berkenaan.

"Sebaliknya dalam tempoh babi hutan menyerang kampung, tiada berita penduduk melihat babi hutan mendarat di kawasan pantai.

"Apa yang pasti babi hutan itu keluar dari hutan seluas kira-kira tiga ekar berhampiran rumah penduduk. Kemungkinan cuaca panas menyebabkan haiwan liar itu keluar mencari air dan makanan.

"Tanaman penduduk juga dirosakkan terutama ubi kayu dan nanas penduduk habis dimusnahkannya. Akibatnya penduduk bimbang untuk keluar terutama pada waktu petang"



AZIZ bersama Abu Bakar (kiri) meninjau tanaman yang rosak di Kampung Kelongkong yang diserang babi.

## Resah penempatan 'diserang' babi hutan

Melaka: Kira-kira 400 penduduk Kampung Kelongkong, Tanjung Kling di sini, resah apabila penempatan mereka 'diserang' sekumpulan babi hutan sejak sebulan lalu.

Seorang pemilik kebun di sini, Abu Bakar Japar, 65, berkata, dia mengalami kerugian apabila pokok pisang dan ubi yang ditanamnya musnah akibat disondol haiwan itu yang berkeliaran mencari makanan di kawasan kebunnya.

"Rasa seperti hendak putus asa pun ada, sebab sudah berbulan saya usahakan kebun itu," katanya yang turut terpaksa membawa lastik setiap kali keluar rumah sebagai langkah berjaga-jaga jika diserang haiwan berkenaan.

Seorang lagi penduduk, Rahimah Kassim, 76, berkata, dia tidak pernah melihat kemunculan babi dengan jumlah yang banyak dan kerap sepanjang lebih 50 tahun tinggal di kampung berkenaan dan kehadiran haiwan itu sejak bulan lalu amat mengejutkan.

"Dah lama mak cik duduk (tinggal) sini.. memang perasan sejak bulan lepas banyak babi berkeliaran. Setiap hari ada sahaja mak cik nampak penduduk berlari ke sana sini kejar babi," katanya.

yu selain pagar yang disondol babi hutan berkenaan. Buat masa ini tiada serangan ke atas penduduk, namun tindakan pantas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan) Negeri Melaka memantau kejadian itu amat dipuji," katanya.

Menurutnya, pihak Perhilitan mengambil langkah memasang perangkap bagi menangkap hidupan liar itu.,

Beliau berkata, penduduk mengesan terdapat dua ekor babi besar yang perlu diberikan perhatian serius kerana dibimbangi menyerang penduduk.

Seorang lagi wakil penduduk, Aziz Japar, 57 berkata, kemunculan babi hutan berkenaan amat mengejutkan berikutan jumlahnya yang banyak.

"Tanaman ubi kayu dan nanas penduduk habis dimusnahkannya. Akibatnya penduduk bimbang untuk keluar terutama pada waktu petang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan Negeri Melaka, Mohd Firdaus Mahmood berkata, tiada bukti saintifik menunjukkan spesies haiwan berkenaan berasal dari Sumatera.

Menurutnya, pihak Perhilitan sudah mengambil sampel untuk ujian asid deoksiribonukleik (DNA) di Makmal Forensik Hidupan Liar Kabangsaan (NWFL).

Jelasnya, hasil ujian jujukan DNA mendapati haiwan liar itu berasal dari hutan Malaysia.